

21/05/2000

Media diminta tidak dedah identiti penghidap

KUALA LUMPUR: Media harus memainkan peranannya dalam mengurangkan penderitaan ditanggung oleh individu yang hidup dengan HIV/Aids (PLWHA) dan keluarga mereka, kata Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Marina berkata, tindakan media mendedahkan identiti individu berkenaan akan mempengaruhi gaya hidup mereka yang boleh memberi kesan jangka panjang kepada keluarga mereka memandangkan masyarakat masih memandang rendah golongan berkenaan.

"Media sepatutnya memberi tumpuan kepada masalah sistem yang menyebabkan kejadian pemindahan darah yang tercemar dengan virus HIV berlaku, bukannya memberi tumpuan untuk mendedahkan identiti sebenar penerima dan penderma darah berkenaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Forum Nasional Haart 2000 di Hotel Renaissance Kuala Lumpur di sini semalam.

Beliau mengulas pendedahan media mengenai identiti seorang suri rumah yang menerima darah dicemari virus HIV ketika menjalani pemindahan darah di Hospital Jitra, baru-baru ini.

Selain itu, Marina berkata, tindakan media itu turut menjejaskan usaha yang dijalankan oleh MAM untuk menyedarkan masyarakat mengenai virus HIV/Aids.

"Mungkin selepas ini orang ramai akan hilang keyakinan kepada sistem yang sedia ada akibat tindakan segelintir pihak yang tidak tahu menyimpan rahsia," katanya.

Katanya, kebarangkalian penerima darah untuk mendapat virus HIV/Aids adalah dalam nisbah 1:500,000, kerana virus itu hanya boleh dipindahkan kepada individu lain menerusi kegiatan seksual dan perkongsian jarum suntikan.

Bagaimanapun, beliau yakin dengan jaminan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan kejadian itu tidak berlaku lagi.

Sementara itu, beliau berkata, sejak Kongres Antarabangsa Mengenai Aids di Asia dan Pasifik (ICAAP) kelima diadakan tahun lalu pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk meningkatkan kemudahan rawatan terhadap PLWHA.

Dalam pada itu, forum selama dua hari yang diadakan dengan kerjasama Yayasan Aids Malaysia dan Merck Sharp & Dohme (MSD) bertujuan memberi pendedahan kepada doktor tempatan mengenai kaedah terbaru rawatan virus HIV/Aids terutamanya dalam bidang terapi gabungan antiretroviral.

(END)